

'Betulkan apa yang biasa, biasakan apa yang betul'



Pertemuan YDP MPSJ bersama warga kerja MPSJ terdiri daripada pengarah jabatan, ahli majlis dan pemerhati.

SUBANG - Noraini Roslan mengangkat sumpah dan menandatangani watak pelantikan sebagai Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang baharu kelmarin menggantikan Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan yang bersara Mei lalu.

Pemegang Ijazah Sarjana Regional Planning dari The University of North Carolina at Chapel Hill Amerika Syarikat ini terdahulu menyandang jawatan YDP Majlis Daerah Hulu Selangor.

Beliau berpengalaman selama 25 tahun dalam perancang pembangunan dan pernah menyandang jawatan Pengarah Perancang di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Pengarah Perancang Bandar di Majlis Perbandaran Klang.

Noraini berkata, beliau mengharapkan kerjasama daripada semua pihak untuk membolehkannya menjalankan tugas dan menyesuaikan diri di MPSJ.

Menurutnya, beliau teruja namun masih di tahap meningkatkan prestasi diri kerana yakin harapan yang diletakkan kepadanya tinggi.

"Saya tak akan melakukan perubahan besar di MPSJ yang visi dan misi telah jelas iaitu ke arah perbandaran 'vibrant', terunggul bertaraf antarabangsa, sejahtera, bestari dan dinamik.

"Fokus saya adalah menghidupkan visi dan misi itu dengan mempersembahkan kepada umum yang akhirnya membentuk persekitaran yang positif dan sokongan pembangunan oleh semua," katanya.

Jelasnya, tanggungjawabnya kini menjadi besar dan tugasnya lebih menyeluruh memantau aspek pentadbiran, kewangan, komuniti dan isu setempat.

"Berikan saya masa selama tiga bulan untuk membetulkan apa yang biasa, dan membiasakan apa yang betul. Pada saya, bagi membentuk organisasi yang mantap memerlukan

komitmen melalui produktiviti dan kualiti kerja.

"Kemudian baru kita tumpu kepada hasil dan keberkesanan dengan memastikan setiap ringgit yang dilaburkan memberikan pulangan kepada orang awam," katanya.

Beliau berpendapat, MPSJ telah mencapai status bandaraya kerana segala keperluan dan syarat lengkap termasuk jumlah pendapatan dan penduduk serta kemudahan yang disediakan.

"Meskipun berstatus perbandaran namun pelan pembangunan di sini adalah berkonsepkan bandar iaitu disediakan dengan kemudahan serba lengkap maka cabarannya juga adalah lebih besar ke arah pentadbiran setanding dengan dunia maju.

"Tak dapat pengiktirafan pun tidak mengapa asalkan penduduk yakin MPSJ telah mencapai status itu dan menjadi sebuah bandaraya yang memberi kesejahteraan kepada penduduk," katanya.